3 November 2026, Putrajaya-Mesyuarat Majlis Penasihat Latihan Institut Tanah dan Ukur Negara (MPLI) Bilangan 2 Tahun 2026 telah berjaya dilaksanakan di Bilik Mesyuarat Utama, Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam (NRES). Mesyuarat penting ini telah dipengerusikan oleh YBhg. Datuk Wira Anis Rizana binti Mohd Zainudin, Ketua Setiausaha NRES, serta dihadiri oleh barisan ahli Majlis Penasihat Latihan daripada pelbagai jabatan, agensi, tokoh akademik, dan pihak pengurusan tertinggi INSTUN.

Mesyuarat ini membincangkan pelaporan pelaksanaan Program Latihan Sektor Tanah dan Ukur Negara serta perbincangan strategik untuk membentuk program latihan pengurusan tanah, ukur, pemetaan, geospatial, dan teknologi maklumat yang berimpak tinggi.

Antara fokus utama mesyuarat termasuklah komitmen pemerkasaan kompetensi dan keterangkuman bagi mencapai sasaran 100% perancangan latihan untuk memacu Agenda Reformasi Perkhidmatan Awam (ARPA), hala tuju INSTUN sebagai Pusat Kecemerlangan Latihan (CoE) menjelang 2030, serta pembangunan tenaga pakar melalui program Training of Trainers dan akreditasi profesional.

Segala cadangan dan syor yang dikemukakan oleh ahli majlis adalah amat penting bagi memastikan kurikulum latihan INSTUN sentiasa ditambah baik dan kekal relevan.




KEMENTERIAN SUMBER ASLI
DAN KELESTARIAN ALAM

